



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan : UMT/BEND/100-4/8 JLD-5 (4)

Tarikh : 22 Februari 2023

Bersamaan : 01 Sya'aban 1444H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2023

KADAR DENDA UNTUK PERMOHONAN PEMBAHARUAN NOTIS PENYERAHAN TESIS BAGI PELAJAR DOKTOR FALSAFAH DAN SARJANA STRUKTUR PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kadar denda untuk permohonan pembaharuan notis penyerahan tesis bagi pelajar doktor falsafah dan sarjana struktur penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Notis Penyerahan Tesis hanya sah selama 6 bulan dari tarikh kelulusan notis dan sekiranya pelajar gagal membuat penyerahan tesis dalam tempoh tersebut, notis itu terbatal dan pembaharuan notis adalah diperlukan.

- 2.2 Justifikasi penetapan kadar denda adalah sepertimana berikut :
- a. memastikan pelajar menghantar tesis dalam tempoh 3-6 bulan daripada tarikh kelulusan notis;
 - b. mengelakkan pelajar berdaftar melebihi tempoh maksimum dan ini mendorong pelajar untuk mempercepatkan proses penulisan dan penghantaran tesis; dan
 - c. menggalakkan pelajar menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan (iGoT).
- 2.3 Penetapan kadar denda bagi permohonan pembaharuan notis penyerahan tesis ini telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:
- a. Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JKPS) UMT Kali Ke-12 Bil. 5 Tahun 2022 pada 12 Oktober 2022;
 - b. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akauan (JPKA) Kali Ke-65 Bil.1 Tahun 2023 pada 29 Januari 2023; dan
 - c. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-60 (Bil. 1 Tahun 2023) pada 05 Februari 2023.

3. KADAR DENDA UNTUK PERMOHONAN PEMBAHARUAN NOTIS PENYERAHAN TESIS

Kadar denda untuk permohonan pembaharuan notis penyerahan tesis bagi pelajar doktor falsafah dan sarjana struktur penyelidikan UMT adalah seperti Jadual 1 berikut:

Pelajar	Kadar
Kadar denda untuk permohonan pembaharuan notis penyerahan tesis bagi pelajar doktor falsafah dan sarjana struktur penyelidikan	RM100

Jadual 1: Kadar denda untuk permohonan pembaharuan notis penyerahan tesis bagi pelajar doktor falsafah dan sarjana struktur penyelidikan UMT

4. TARIKH KUATKUASA

Penguatkuasaan kadar denda ini adalah mulai Semester II, Sesi 2022/2023 (Mac 2023).

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail